SULIT

Sains
Kertas 1
Tahun 5
Mei
2017
1 jam

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2017
TAHUN 5

Nama : ..... Kelas : .....

SAINS
Kertas 1

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan objektif diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

LIVEWORKSHEETS

[40 markah]

1. Antara alatan berikut, yang manakah boleh digunakan untuk menyukat isi padu segelas susu?

   A. pembaris
   B. termometer
   C. penimbang
   D. silinder penyukat

2. Pemerhatian di bawah dicatatkan dalam suatu eksperimen.

   - 1 mentol dalam litar- mentol cerah
   - 2 mentol dalam litar- mentol kurang cerah
   - 4 mentol dalam litar- mentol malap

   Bagaimanakah maklumat di atas boleh disediakan?

   A. jadual
   B. carta pai
   C. gambar rajah
   D. graf

3. Rajah 1 menunjukkan kelajuan bagi tiga buah kenderaan untuk perjalanan dari Singapura ke Johor Bahru menggunakan laluan yang sama.

Kenderaan	P	Q	R
Kelajuan (km/j)	60	90	100

Rajah 1

Carta palang manakah yang mewakili kelajuan kenderaan-kenderaan itu?

A. 

B. 

C. 

D. 

LIVEWORKSHEETS

4.

Semua cermin tingkap mesti dibuka dan kipas hendaklah dipasang sebaik sahaja berada dalam bilik Sains.

Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah murid perlu berbuat sedemikian apabila berada di dalam bilik Sains?

A. supaya bilik Sains tidak panas
B. supaya berlaku pengaliran udara yang lancar di dalam bilik Sains
C. untuk menghalau keluar serangga yang berada di dalam bilik Sains
D. supaya eksperimen dapat dilakukan dengan lebih cepat

5. Bagaimanakah cara mengendalikan bahan kimia yang mudah terbakar semasa eksperimen dijalankan di dalam bilik Sains?

A. memadamkan api dengan minyak masak
B. membuangnya ke dalam tong sampah
C. meniup api sehingga padam
D. menjauhkan bahan kimia tersebut daripada sumber api

6. Rajah 2 menunjukkan seorang murid sedang menjalankan suatu penyiasatan di dalam bilik Sains.

Rajah 2

Apakah peraturan bilik Sains yang dipatuhi oleh murid itu?

A. mengikat rambut dengan kemas
B. masuk ke dalam bilik Sains dengan keizinan guru
C. melaporkan kecederaan kepada guru
D. memakai cermin mata keselamatan untuk melindungi mata

LIVEWORKSHEETS

7. Rajah 3 menunjukkan dua jenis haiwan yang hidup bersendirian.



Rajah 3

Antara haiwan berikut, yang manakah mempunyai cara hidup yang sama seperti haiwan di atas?

A. helang
B. kuda
C. lipan
D. beruang

8. Antara haiwan berikut, yang manakah membawa anak di dalam kantung untuk melindungi anaknya daripada musuh?

P – Gajah	R – Lembu
Q – Buaya	S – Kanggaru

A. P dan Q
B. Q sahaja
C. P dan R
D. S sahaja

9. Maklumat di bawah menunjukkan satu rantai makanan.

T → U → V → W

Antara berikut, yang manakah mempunyai populasi terendah?

A. W
B. V
C. U
D. T

LIVEWORKSHEETS

10. Rajah 4 menunjukkan satu siratan makanan dalam suatu habitat.



Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4, haiwan yang manakah adalah omnivor?

A. K dan L
B. O dan P
C. K dan N
D. N dan P

11. Rajah 5 menunjukkan haiwan K.

Rajah 5

Kedudukan manakah yang betul bagi haiwan K dalam rantai makanan berikut?

A. tumbuhan → K → rama-rama →helang
B. helang → rama-rama → tumbuhan → K
C. tumbuhan → rama-rama → K → helang
D. K → helang → tumbuhan → rama-rama

12. Rajah 6 menunjukkan empat hidupan di lading jagung.



Rajah 6

LIVEWORKSHEETS

Antara siratan makanan berikut, yang manakah benar?

A. 

C. 

B. 

D. 

13. Maklumat di bawah menunjukkan enam jenis hidupan di sebuah habitat.

• Pokok padi	• Helang
• Ular	• Beluncas
• Burung	• Tikus

Berdasarkan maklumat di atas, yang manakah menunjukkan hubungan antara mereka?

A. 

B. 

C. 

D. 

LIVEWORKSHEETS

14. Pak Aziz mendapati banyak tanaman sawah padinya dirosakkan oleh belalang. Antara haiwan berikut, yang manakah boleh digunakan Pak Aziz untuk mengatasi masalah tersebut?

A.

C.

B.

D. 

15. Rajah 7 menunjukkan tiga jenis tumbuhan P, Q dan R.

P Q R

Rajah 7

Berdasarkan Rajah 7, yang manakah betul berdasarkan cara perlindungan diri daripada musuhnya?

	P	Q	R
A	bulu halus	duri tajam	bau busuk
B	bau busuk	duri tajam	bau busuk
C	bau busuk	bulu halus	duri tajam
D	bulu halus	bau busuk	racun

16. Pokok buluh boleh hidup di tempat yang berangin kencang kerana mempunyai

A. batang yang mudah melentur
B. akar yang panjang
C. batang yang boleh menyimpan air
D. bulu halus pada daun

LIVEWORKSHEETS

17. Rajah 8 menunjukkan sejenis tumbuhan.

Rajah 8

Bagaimanakah tumbuhan ini mengelakkan kehilangan air yang berlebihan ketika cuaca panas?

A. mempunyai daun berbentuk jarum
B. mempunyai daun pecah-pecah
C. menggugurkan daun
D. batang menyimpan air

18. Rajah 9 menunjukkan buah kelapa yang sedang disebarkan jauh daripada induknya oleh air.



Rajah 9

Mengapakah tindakan ini penting kepada tumbuhan dalam rajah di atas?

A. menggalakkan persaingan
B. meningkatkan kualiti spesiesnya
C. memastikan kemandirian spesiesnya
D. memberi perlindungan kepada biji benih

LIVEWORKSHEETS

19. Rajah 10 menunjukkan sejenis tumbuhan.

Rajah 10

Antara ciri berikut, yang manakah membolehkan buah tumbuhan itu dipencarkan?

A. buah itu berwarna terang
B. buah itu ringan dan mempunyai rerambut halus
C. buah itu mempunyai ruang udara
D. buah itu mempunyai cangkuk

20.



Rajah 11

Rajah 11 menunjukkan sejenis biji benih yang mempunyai bulu pendek dan berwarna merah. Apakah tujuan biji benih itu berbentuk sedemikian?

A. dapat disebarkan angina
B. menarik perhatian haiwan lain
C. menghalang haiwan lain daripada memakannya
D. melekat pada badan haiwan untuk tujuan penyebaran

21. Tumbuhan memastikan kemandirian spesiesnya dengan cara memencarkan biji benih. Mengapakah biji benih tumbuhan perlu dipencarkan jauh daripada induk?

A. untuk mengelakkan induk daripada subur
B. kekurangan sumber makanan akan berlaku
C. untuk mengelakkan persaingan antara biji benih dengan induk
D. pertumbuhan tumbuhan terganggu kerana berdekatan dengan induk

LIVEWORKSHEETS